

01 MAY 2002

Mahathir-Sumbang

CARA TERBAIK HINDAR SUMBANG MAHRAM MELALUI PELAJARAN AGAMA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perbuatan sumbang mahram yang menjadi-jadi sejak kebelakangan ini tidak akan berlaku jika anak diberi ajaran agama yang sempurna dan ibu bapa mengamalkan ajaran agama.

"Ini masalah pertumbuhan akhlak, ini bukan soal hukuman berat atau ringan...masalah akhlak kalau kita didik anak kita dari awal lagi apa yang baik, apa yang buruk dan tentukan dia mengikut jalan yang baik sudah tentu tidak akan berlaku sumbang mahram terutama sekali di kalangan orang Islam yang berpegang teguh pada ajaran, tidak patut berlaku perkara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata ibu bapa atau penjaga perlulah memberi ajaran agama yang baik kepada anak mereka supaya mereka dapat menilai apa yang baik dan apa yang buruk dan tidak terjebak dalam gejala ini.

"Kalau di sekolah tidak ada guru agama yang ajar politik saya yakin kita dapat membendung gejala ini," katanya pada dialog selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) hari ini.

Dr Mahathir berkata perbuatan sumbang mahram juga tiada kaitan dengan kekayaan atau kemiskinan sesebuah keluarga.

"Kita dapati di Malaysia orang miskin terlibat dengan sumbang mahram tetapi di negara lain orang yang kaya juga terlibat, jadi kaya dan miskin tiada kaitan tapi ilmu dan akidah yang baik dapat menghindarkan perkara ini," katanya.

Katanya beliau pernah mencadangkan agar mata pelajaran seks dimasukkan dalam kurikulum sekolah tetapi ada pihak membantah kerana mereka memandang langkah tersebut dari satu sudut sahaja.

"Tetapi ia sebenarnya ada kaitan yang rapat dengan akhlak kita, kalau akhlak kita tidak baik maka akan berlaku perbuatan seperti homoseksual dan sumbang mahram. Kita amat malu kerana ianya terjadi dengan banyak di kalangan umat Islam," katanya.

Ketika menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai keinginan untuk menjawat jawatan Perdana Menteri seumur hidup malah bercadang untuk bersara dan membuat benda-benda kesukaannya.

"Saya tidak mahu duduk jawatan ini sampai bila-bila, saya pun nak juga buat apa yang saya hendak buat...saya akan berbuat demikian bila tiba masanya," katanya ketika diminta mengulas permintaan agar beliau terus menjadi Perdana Menteri selagi ada hayat.

-- BERNAMA

SR ZS FAZ